

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيقي نكار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BIL 18/2011**

**KEPADA : SEMUA PENUNTUT-PENUNTUT SKIM KHAS 'A' LEVELS BAGI SESI
PENGAJIAN 2010/2011 DAN SETERUSNYA**

**PEMBAYARAN PEPERIKSAAN SAT REASONING TEST BAGI MELANJUTKAN PENGAJIAN DI
AMERIKA SYARIKAT**

Dengan hormatnya sukacita merujuk surat Penolong Pengarah (Dermasiswa), Kementerian Pendidikan bilangan JPLL/S/DANA/333 bertarikh 14 Jamadilakhir 1432 / 18 Mei 2011 mengenai perkara tersebut di atas.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran yuran peperiksaan *SAT Reasoning Test* (sebelum ini dikenali sebagai *Scholastic Aptitude Test* atau *Scholastic Assessment Test*) akan ditanggung oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penuntut-penuntut Skim Khas 'A' Levels yang berminat dan berpotensi untuk melanjutkan Ijazah Sarjana Muda di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, penuntut tersebut mestilah memohon dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di Amerika Syarikat. Jika penuntut tersebut bercadang untuk menukar tempat pengajiannya, seperti meneruskan pengajiannya di United Kingdom, dan tidak berjaya maka penuntut tersebut adalah dikehendaki untuk membayar balik pembayaran menduduki peperiksaan *SAT Reasoning Test* tersebut kepada pihak Kerajaan.

Sekian disampaikan untuk makluman awal mengenainya.

"Bersatu Padu Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035"

ABDULLAH BIN HAJI AHAD
Pengarah Pengajian
b.p. Pesuruhjaya Tinggi

Rujukan : BSU E/5/Pt.IX
Tarikh : 16 Jamadilakhir 1432 /20 Mei 2011